

Butir2 mengenainya diwartakan Kementerian Pembangunan Negara akan mula tugas

KUALA LUMPUR, Isnin — Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mula menjalankan fungsinya di pejabat kementerian itu di Unit Penyelarasan Peraksanaan yang dudunya di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Encik Sanusi

Junid telahpun berpindah dari Kementerian Dalam Negeri ke pejabat baru di unit tersebut beberapa hari lalu.

Jurucakap kementerian itu berkata butir-butir mengenai perubahan kementerian dan perantikan menteri akan diwartakan beberapa hari lagi.

Menurutnya, fungsi kementerian secara luas akan juga terkandung dalam warta berkenaan.

Bagaimanapun, beliau enggan memberi butir-butir lain mengenai kementerian tersebut.

Difahamkan, buat masa ini kementerian akan menggunakan tenaga pegawai-pegawai Unit Penyelarasan Peraksanaan menggerakkan kementerian berkenaan.

Jabatan dan agensi lain di bawah kementerian itu akan menggunakan bangunan masing-masing seperti sekarang.

Jabatan dan agensi di bawah kementerian itu ialah Jabatan Pembangunan Masyarakat (KEMAS), Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC), PERNAS, Jabatan Pembangunan Koperasi, Bekalan Air Luar Bandar, Penempatan Semula Mangsa-mangsa Banjir, Pembangunan Kampung-kampung Tradisional dan Pembangunan Industri-industri Kecil Luar Bandar.

Menggerakkan

Difahamkan juga, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan melantik seorang Ketua Setiausaha kementerian tersebut untuk menggerakkan pelaksanaan pembangunan yang telah digariskan.

Kementerian itu masa ini tidak mempunyai Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen.

Rundingan-rundingan untuk melicinkan dan mengatur strategi pentadbiran kementerian itu sedang giat dijalankan oleh pihak tertinggi dan pegawai.

Difahamkan, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam hari ini mengadakan rundingan dengan Encik Sanusi Junid mengenai perkara bersangkutan dengan kementerian berkenaan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia